

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 BAGI  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PENGANGKUTAN DARAT</b>				
1	Penyaluran Aduan Kesalahan Lalulintas Jalan Raya Melalui Talian Darussalam 123 dan Whatsapp Darussalam +6738333123	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai penyelarasan 'one government approach' dan dalam usaha JPD dan Talian Darussalam memudahcara lagi orang</li> <li>• Ramai menyalurkan aduan-aduan kesalahan secara berterusan</li> <li>• Kearah Usaha dalam memastikan jalan raya di negara ini supaya akan lebih selamat untuk semua pengguna jalan raya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) telah memperkenalkan satu kaedah penggunaan penyaluran aduan kesalahan lalulintas jalan raya menggunakan WhatsApp talian Penguatkuasaan JPD melalui nombor telefon +6737292017 yang telah dilaksanakan sejak bulan jun 2016</li> <li>• Kaedah ini digunakan sebelum Whatsapp Darussalam melalui nombor telefon +6738333123 yang dilaratkan pengenalannya pada awal tahun 2018 untuk aduan-aduan kesalahan lalulintas Jabatan Pengangkutan Darat sahaja</li> <li>• Sebagai penyelarasan 'One Government Approach' dan dalam usaha JPD dan Talian Darussalam memudahcara lagi orang ramai menyalurkan aduan-aduan kesalahan secara berterusan, maka nombor Whatsapp penguatkuasaan JPD di talian +6737292017 tidak lagi akan beroperasi dan akan mula dihentikan penggunaannya bermula pada 20hb Ogos 2018</li> <li>• Semua penyaluran aduan-aduan kesalahan akan diselaraskan dengan menggunakan Whatsapp Darussalam di talian +6738333123</li> </ul>
2	Pengenalan Lesen Kad Memandu Tanpa Mikrocip	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempertingkatkan keberkesanan operasi dan pentadbiran</li> <li>• Menyelaras dengan amalan-amalan terbaik dan piawaian antarabangsa, khususnya dengan ciri-ciri kad lesen memandu</li> <li>• Menjimatkan perbelanjaan kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) memaklumkan bahawa mulai 10hb Disember 2018, JPD dan cawangan-cawangan JPD diseluruh Negara serta pejabat-pejabat pos akan mula mengeluarkan kad lesen memandu tanpa mikrocip untuk menggantikan kad lesen memandu ada mikrocip yang telah digunakan sejak 1hb Mei 2013</li> <li>• Sementara itu, ciri-ciri lain yang ada pada kad lesen memandu ada mikrocip adalah masih kekal sama</li> </ul>
<b>JABATAN KAJICUACA</b>				
3	Taklimat Cuaca Kebangsaan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk meningkatkan kefahaman kepada pengguna-pengguna berhubung dengan cuaca dan juga iklim Negara Brunei Darussalam</li> <li>• Mendedahkan dan meningkatkan kesedaran mengenai manfaat dan kegunaan khidmat cuaca dalam perancangan dan operasi pihak pengguna yang berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu/memudahcara kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan (<i>Safety and First Responders</i>) dalam kesiap-siagaan masing-masing dalam menghadapi sebarang keadaan yang berpunca dari cuaca</li> <li>• Memudahkan lagi pihak pengguna maklumat cuaca dan iklim berinteraksi terus bersama pihak Jabatan bagi mendapatkan keterangan terperinci berhubung dengan cuaca dan iklim Negara Brunei Darussalam.</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat Cuaca Kebangsaan ialah merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) untuk menyampaikan maklumat cuaca dan iklim Negara Brunei Darussalam kepada pengguna-pengguna terutamanya kumpulan Tindakan Awal dan Keselamatan (<i>Safety and First Responders</i>), kumpulan sektor Ekonomi dan Industri dan juga Media Massa, samada daripada agensi Kerajaan, swasta ataupun Badan Bukan Kerajaan.</li> <li>• Taklimat Cuaca Kebangsaan dijadualkan sebanyak empat kali setiap tahun iaitu sebelum bermulanya kitaran monsun di Negara ini. Taklimat dibuat pada bulan April iaitu bagi kitaran monsun Peralihan (April hingga Mei), diikuti bulan Jun iaitu bagi kitaran Monsun Barat Daya (Jun hingga Ogos), kemudian pada bulan September bagi kitaran</li> </ul>

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 BAGI  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>Monsun Peralihan (September hingga Oktober) dan akhir sekali pada bulan November bagi kitaran Monsun Timur Laut (November hingga Mac).</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pada tahun 2019, kategori peserta yang dijemput telah ditambah dan merangkumi peserta daripada pihak institusi pengajian dan orang ramai.</li></ul>